



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

SIARAN MEDIA

MAJLIS SAMBUTAN HARI SEDUNIA BAGI KESELAMATAN DAN KESIHATAN DI TEMPAT KERJA (*WORLD OSH DAY*) 2024

KESUMA menerusi Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan *Malaysian Society for Occupational Safety & Health (MSOSH)*, pada hari ini telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja (*World OSH Day*) 2024. Majlis ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Encik Steven Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia.

Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Tempat Kerja atau lebih sinonim dengan panggilan *World OSH Day*, diperkenalkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan disambut pada tanggal 28 April setiap tahun di seluruh dunia. *World OSH Day* juga adalah sebahagian daripada program sambutan Hari Pekerja.

Penganjuran majlis ini merupakan usaha berterusan dan komitmen kerajaan sejajar dengan ***ILO Convention No. 187: Promotional Framework for Occupational Safety and Health*** yang telah diratifikasi oleh Malaysia pada tahun 2012 bagi memastikan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) dilindungi dengan sebaiknya.

Penganjuran majlis ini juga bertujuan untuk mengenang kembali mangsa-mangsa yang terlibat dengan kemalangan dan penyakit pekerjaan serta mempromosikan budaya pencegahan kemalangan dan penyakit pekerjaan di tempat kerja.

Tema sambutan *World OSH Day* pada tahun ini ialah “**Kesan Perubahan Iklim Terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan**” atau “**The Impacts of Climate Change on Occupational Safety and Health**” sebagaimana yang telah ditetapkan oleh ILO.

Tema yang diperkenalkan ILO ini selari dengan kesan semasa perubahan iklim dunia yang boleh menjejaskan aktiviti kerja dan meningkatkan risiko kecederaan, penyakit pekerjaan dan kematian.

Majlis pada hari ini menghimpunkan sejumlah 2,500 orang peserta yang terdiri daripada pengamal KKP. Ini merupakan himpunan terbesar pengamal KKP daripada seluruh Negara, di mana bacaan Ikrar Integriti yang dilafazkan oleh semua peserta tercatat sebagai "*The Largest Integrity Pledge by OSH Practitioners in Malaysia*" di *Malaysian Book of Records*.

Kerajaan sentiasa komited menangani isu perubahan iklim semasa dengan mengukuhkan pelbagai aspek **kemampanan** dalam agenda pembangunan ekonomi untuk memastikan ekonomi negara terus berdaya tahan dalam menghadapi cabaran masa hadapan.

Ini juga selari dengan Dasar-dasar yang diperkenalkan kerajaan termasuk **Kerangka Malaysia MADANI, Kajian Separuh Penggal RMK12 (KSP-RMK12)** yang merangkumi **Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR)** dan **Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP30), Teras Strategik 7-Peningkatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan berkaitan Pekerjaan Masa Hadapan (*Future Jobs*)** dalam **Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2021-2025** serta **Dasar Keselamatan Negara 2021-2025** yang menggariskan **berkenaan Pembangunan Mampan melalui Pengurusan Perubahan Iklim** dan juga **Dasar Perubahan Iklim Negara (2009)** bertujuan memastikan pekerja di semua sektor dapat bekerja dalam keadaan yang selamat, sihat, kondusif dan sejahtera.

Kerajaan sentiasa komited menangani isu perubahan iklim semasa dengan mengukuhkan pelbagai aspek **kemampanan** dalam agenda pembangunan ekonomi untuk memastikan ekonomi negara terus berdaya tahan dalam menghadapi cabaran masa hadapan dan ini bertepatan dengan **Misi Strategik 3K KESUMA** yakni memperkasakan **Kebajikan, Kemahiran dan Keberhasilan Pekerja**.

###

Dikeluarkan oleh:
Pejabat Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia
28 April 2024